



ARAHAN TAMBAHAN (VI) BAGI KEPERLUAN (3/4) SUKU BAGI TAHAP MINIMA TANGKI BAHAN API KENDERAAN BAGI KEMASUKAN KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan jualan produk petroleum adalah dikawal secara berterusan, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dengan ini mengumumkan langkah-langkah tambahan seperti berikut:

- (i) Semua kenderaan berpendaftaran asing adalah dikehendaki untuk membeli bahan api yang tidak bersubsidi iaitu mengikut harga pasaran (menurut *3rd Additional Directive on Sales of Diesel and Motor Gasoline Premium 97 to Vehicles and Vessels not registered in Brunei Darussalam* yang dikeluarkan pada 19 Jun 2008).
- (ii) Mulai 1 April 2026:
 - (a) Semua kenderaan berpendaftaran asing yang memasuki Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai paras tangki bahan api kenderaan minima sebanyak tiga suku ($\frac{3}{4}$). Kenderaan berpendaftaran asing yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan dibenarkan masuk ke Negara Brunei Darussalam. Kenderaan rasmi Kerajaan adalah dikecualikan daripada arahan tambahan ini.
 - (b) Bagi kenderaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang pulang dari luar negara, keperluan paras tangki bahan api kenderaan sebanyak tiga suku ($\frac{3}{4}$) tidak akan dikenakan pada kemasukan pertama. Bagaimanapun, syarat tersebut akan dikuatkuasakan bagi kemasukan kedua dan yang seterusnya, dalam tempoh 24 jam.
 - (c) Arahan Tambahan ini akan dikuatkuasakan di semua pos-pos kawalan di Negara Brunei Darussalam oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja,



Kementerian Kewangan dan Ekonomi, dan di semua stesen-stesen minyak dan akan dikuatkuasakan bersama oleh Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam dan Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sdn. Bhd.

- (d) Orang ramai dan semua pemilik kenderaan adalah dinasihatkan untuk mematuhi semua Arahan Bahan Api yang berkuat kuasa pada masa ini dan memberikan kerjasama penuh mereka kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan
BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh: 31 Mac 2026